# Isteri bulanan

Metro 6/1/13 MS 6.

## ■ Suami jarang pulang punca selingkuh

**Oleh HADZLAN HASSAN**
metahad@hmetro.com.my
**Medan**

Asalkan berpoket tebal, segelintir keluarga wanita di sini sanggup bermenantukan lelaki Malaysia tanpa terlalu memikirkan faktor rupa dan usia, walaupun anak perempuan mereka dilayan umpama isteri bulanan selain berstatus isteri kedua, ketiga, malah keempat.

Yang penting, nasib anak gadis mereka terbela selain dapat menumpang sedikit kemewahan melalui bayaran selama seminggu selepas mendapat maklumat, semakin ramai lelaki Malaysia berkunjung ke sini secara senyap-senyap untuk berkahwin lain tanpa pengetahuan isteri pertama.

Lazimnya, perkahwinan pasangan seperti itu bahagia pada peringkat awal sebelum berdepan masalah selepas perkahwinan rahsia berkenaan diketahui isteri pertama.

Akibatnya, si suami tidak lagi dapat kerap berkunjung ke Medan hingga menyebabkan si isteri 'makan luar' kerana kesunyian tanpa belaian kami berlangsung meriah dengan hantaran seekor lembu dan senaskhah al-Quran.

"Selepas enam bulan bernikah, dia meminta saya pulang ke Medan kerana khuatir perkahwinan diketahui isteri pertama.

"Dia membayar segala urusan kepulangan kerana ketika pulang berkahwin di Medan, saya terpaksa melanggar syarat kontrak dengan syarikat saya bekerja hingga menyebabkan saya diberhentikan," katanya ketika ditemui Metro Ahad di sini.




*PINTU masuk ke Wilayah Stabat (menghala ke Aceh) yang menempatkan beberapa buah kampung wanita Medan yang menjadi isteri lelaki Malaysia.*

nafkah yang dihantar secara bulanan iaitu kira-kira sejuta rupiah (RM320) dan perkahwinan itu didaftar secara sah di sini.

Bagaimanapun, tidak siapa tahu gelora si isteri yang hanya bertemu suami dua atau tiga bulan sekali, menyebabkan ada antara mereka sanggup berlaku curang atau digelar selingkuh oleh warga tempatan.

Senario merisaukan itu terbongkar berdasarkan siasatan wartawan Metro Ahad yang berkunjung ke Medan suami seperti berlaku kepada Suryanti Martoso, 28.

Dia yang berkahwin dengan ahli perniagaan berasal dari Kuala Lumpur mengakui turut menjalin hubungan dengan lelaki lain, termasuk dari Malaysia, kerana bosan tanpa suami yang takutkan isteri tua.

"Kami berkahwin di Medan tiga tahun lalu selepas bertemu ketika saya bekerja di Pulau Pinang. Selepas hampir setahun berkenalan, dia bersetuju mengahwini saya. Majlis perkahwinan

Menurutnya, sepanjang perkahwinan, mereka belum dikurniakan cahaya mata dan pada mulanya, si suami kerap bertandang ke Medan sebulan sekali sebelum bertukar kepada dua bulan sekali dan akhirnya tiga hingga empat bulan sekali.

"Memang dia tak pernah gagal menghantar nafkah bulanan tapi kadangkala saya sunyi, tambahan pula kini saya berjauhan dengan keluarga di Lubuk Bakam (kira-kira empat jam dari Medan)," katanya.

Bagaimanapun, Suryanti berkata, tidak semua wanita dari Sumatera Utara yang berkahwin dengan rakyat Malaysia bersikap demikian kerana ada juga antara mereka pandai menjaga diri dan pergaulan dengan rakan sepanjang ketiadaan suami.

Menurutnya, ramai rakannya setia dengan suami dan menjaga tingkah-laku, malah kadangkala mereka akan ke Malaysia bertemu suami masing-masing jika tidak dapat menahan rindu.




Sementara itu, seorang bapa yang bermenantukan lelaki Malaysia, Martin Martondang, 49, berkata, kes isteri 'makan luar' memang berlaku jika si suami tidak menghantar nafkah atau menghantar wang terlalu sedikit, menyebabkan si isteri terpaksa bekerja untuk menyara keluarga.

Katanya, jika si isteri berasal dari pedalaman dan tidak berpendidikan tinggi, mereka akan bekerja di restoran atau pasar raya, tetapi lebih memburukkan keadaan, ada yang menyara hidup dengan bekerja sebagai tukang urut, pelayan pelanggan (GRO) atau pekerja seks.

"Bukan mudah nak dapat wang. Walaupun terpaksa menggadai maruah, mereka juga perlu bersaing dan keadaan menjadi lebih buruk jika pekerjaan itu diketahui suami yang datang dua atau tiga bulan sekali.

"Jangan salah faham, saya tak maksudkan semua pasangan atau wanita di sini, tapi sepanjang pengetahuan saya, itu yang berlaku dan akibatnya ada antara wanita berkenaan ditinggalkan suami," katanya.

**"Dia meminta saya pulang ke Medan kerana khuatir diketahui isteri pertama"**
SURYANTI





**"Kes isteri 'makan luar' memang berlaku jika si suami tidak menghantar nafkah"**
MARTIN